

21 AUG 2000

SAID-MAHATHIR

DR M: PEMBINAAN NEGARA BERGANTUNG KEPADA KEBEBASAN MEMBUAT KEPUTUSAN  
PENTING

Oleh: Mohd Arshi Daud

MAPUTO (Mozambique), 21 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan para pemimpin dan pegawai Afrika bahawa pembinaan negara bergantung kepada keupayaan, kebebasan dan keanjalan untuk membuat keputusan strategik dalam kewangan, perdagangan dan pelaburan.

"Jika negara-negara sanggup menerima harga yang lebih tinggi bagi mendapatkan teknologi untuk bersaing kemudian nanti, itu seharusnya adalah hak negara-negara berdaulat untuk membuat keputusan," kata Perdana Menteri dalam ucapan beliau pada jamuan malam rasmi Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID 2000) di sini, Isnin.

Dr Mahathir berkata kedaulatan negara sebagai asas bagi menentukan sendiri dan memberi kuasa pada diri sendiri adalah lebih relevan sekarang, memandangkan suara-suara yang tidak putus-putus menyebarkan kebaikan ekonomi terbuka dan bebas.

"Bukanlah atas alasan yang kukuh bahawa pusingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Seattle yang lalu menemui jalan buntu," katanya.

Dr Mahathir bertanya, "Seulas beras atau gandum atau jagung atau barli bukanlah hanya satu isu tentang berapakah kos untuk mengeluarkannya, tetapi adakah orang yang menanamnya hidup sempurna? Dan siapakah yang memakan hasil keluaran itu?"

Sambil mengingatkan negara-negara membangun tentang penerimaan pelonggaran perdagangan secara membuta tuli, beliau berkata penerima faedahnya ternyata sekali merupakan kumpulan yang terpilih dan mendapat keistimewaan.

"Penduduk dunia yang kelima paling atas di negara-negara kaya menikmati 82 peratus daripada perdagangan eksport yang semakin berkembang dan 68 peratus pelaburan langsung asing -- yang kelima paling bawah hampir tidak lebih daripada satu peratus," kata Dr Mahathir.

Di antara tahun 1980 dan 1996, hanya 33 negara berjaya mengekalkan tiga peratus pertumbuhan tahunan, manakala 59 negara, kebanyakannya di Afrika sub-Sahara dan Timur Eropah serta CIS (Komanwel Negara Merdeka), mengalami keluaran negara kasar per kapita yang kian merosot, tegas beliau.

Walaupun 20 peratus penduduk dunia di negara-negara paling kaya memperoleh 82.7 peratus daripada jumlah pendapatan dunia, 20 peratus penduduk dunia di negara-negara paling miskin menerima hanya 1.4 peratus.

"Pada tahun 1989 purata pendapatan 20 peratus penduduk di negara-negara paling kaya adalah 60 peratus lebih tinggi daripada purata pendapatan 20 peratus penduduk di negara paling miskin. Apa yang lebih mencemaskan ialah nisbah ini telah berganda, daripada 30 kali pada tahun 1950," kata Dr Mahathir.

Menyedari pentingnya mengamalkan ekonomi berlandaskan pengetahuan inilah maka Malaysia memulakan satu agenda bagi mempertingkatkan penggunaan pengetahuan dalam semua sektor ekonomi, baik yang baru mahupun tradisi, kata Dr Mahathir.

Ini memerlukan usaha bersama semua pemegang kepentingan dalam ekonomi untuk mewujudkan kumpulan-kumpulan yang berpengetahuan, katanya.

"Bersama dengan keupayaan untuk menterjemahkan pengetahuan kepada kemajuan sosial dan teknologi secara berkesan, yang mempertingkatkan taraf kehidupan penduduk, inilah pemberian kuasa dalam erti kata yang sebenar-benarnya," tegas Perdana Menteri.

Beliau menambah kata bahawa pembangunan ekonomi berasaskan teknologi mengandaikan bahawa sebuah negara membangun yang ditadbirkan dengan baik

akan mengalami pulangan yang tinggi daripada pelaburan, yang seterusnya menarik masuk aliran modal asing, sekaligus merapatkan jurang antara negara kaya dan negara miskin.

"Tetapi kemajuan teknologi menari mengikut rentak yang berbeza. Dengan pulangan semakin meningkat yang menguntungkan mereka, rantau-rantau yang mempunyai teknologi maju berada pada kedudukan terbaik untuk membuat inovasi selanjutnya, dan jurang antara mereka yang mempunyai teknologi dan yang tiada teknologi sentiasa melebar," kata Dr Mahathir.

Oleh yang demikian, ekonomi-ekonomi baru muncul harus melihat proses globalisasi dari semua aspek, kata beliau sambil menambah bahawa kebanyakan keputusan yang dibuat pada peringkat antarabangsa nampaknya lebih memelihara kepentingan ekonomi-ekonomi yang lebih matang.

Pada masa yang sama, globalisasi nampaknya mengetepikan kedaulatan negara, kebebasan ekonomi, pemberian kuasa ekonomi, program sosio-ekonomi, dan agenda pembangunan teknologi yang sedang dilaksanakan oleh negara-negara membangun.

Sambil menegaskan bahawa amalan Perkongsian Pintar dalam konteks ini menjanjikan kesan yang paling besar, beliau berkata ia juga boleh membantu menyatukan keprihatinan dan tindakan serta merumuskan pendirian bersama.

Perkongsian Pintar boleh juga membantu dalam memulakan tindakan kerjasama bagi menentang sebarang kuasa negatif globalisasi yang menjejaskan ekonomi baru muncul, katanya.

"Dialog-dialog Perkongsian Pintar seperti ini, boleh menjadi titik tumpuan untuk berbincang dan berkongsi pendapat serta pengalaman kita, dan memupuk interaksi yang berterusan di kalangan anggota-anggota dan rakan-rakan perkongsian pintar dalam tempoh dari satu dialog ke satu dialog.

"Saya perhatikan bahawa CPTM, Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi, boleh memainkan peranan untuk memanfaatkan pelbagai dimensi yang berbeza dalam perkara globalisasi untuk mencapai hasil yang benar-benar sama menang," katanya.

Sambil menyeru pusat-pusat perkongsian pintar negara yang dibentuk oleh anggota-anggota SAID supaya bekerjasama erat dengan CPTM dan menetapkan keutamaan bagi tindakan, Dr. Mahathir menambah kata, "Dalam hubungan ini, saya ingin menawarkan khidmat MIGHT (Kumpulan Industri Malaysia bagi Teknologi Tinggi), pusat perkongsian pintar Malaysia, untuk membantu di mana yang boleh."

SAID lahir selepas Dialog Antarabangsa Langkawi (LID). SAID pertama diadakan di Kasane, Botswana pada tahun 1997, diikuti oleh Swakopmund, Namibia pada tahun berikutnya dan Victoria Falls, Zimbabwe, tahun lalu.

-- BERNAMA

MAD KY MA